

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVII)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

23. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP):
- (a) Senaraikan maklumat penuh RSNPP berkaitan status tanah dan pembangunan di semua daerah.
  - (b) Berapakah keluasan tanah yang terlibat untuk RSNPP dan di manakah kawasan yang terlibat? Senaraikan data mengikut KADUN.
  - (c) Adakah Kerajaan Negeri akan membuat kajian semula bagi mengelakkan tambakan tanah sawah?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 telah diwartakan pada 24 Oktober 2019 bagi menggantikan RSNPP 2020 yang tamat tempoh perancangannya pada tahun 2020. RSNPP 2030 adalah dokumen perancangan berbentuk pernyataan bertulis yang mengandungi polisi dan dasar-dasar perancangan Negeri Pulau Pinang dan disokong dengan Gambar Rajah Utama / Peta Cadangan Guna Tanah sehingga tahun 2030.
- (a) RSNPP 2030 mengandungi pernyataan Visi dan Misi Perancangan dan Pembangunan Negeri Pulau Pinang sehingga Tahun 2030. Ia disokong pula oleh lima (5) Objektif dan lima (5) Teras Pembangunan. Setiap Teras Pembangunan diperincikan lagi dengan jumlah dasar dan langkah pelaksanaan serta Jabatan/Agenzi Pelaksana yang telah dikenal pasti seperti berikut:-

- (i) 13 Dasar Perancangan Utama (DPU)
- (ii) 58 Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP)
- (iii) 3 Dasar Khusus (DK)
- (iv) 274 Langkah Pelaksanaan (L)

Sehubungan itu, visi, misi dan semua objektif, teras, dasar serta langkah tersebut diterjemahkan ke dalam Gambar Rajah Utama RSNPP 2030;

Gambar Rajah Utama RSNPP 2030, merupakan Peta Indikatif hala tuju perancangan dan pembangunan Negeri Pulau Pinang yang menunjukkan empat (4) guna tanah iaitu Kawasan Keutamaan Pembangunan, Pertanian, Badan Air dan Hutan. Gambar Rajah Utama ini juga menyatakan projek-projek berimpak tinggi yang dicadangkan di Negeri Pulau Pinang.

Perincian status tanah dan pembangunan (mengikut lot) tidak dinyatakan/ditunjukkan di dalam RSNPP 2030, disebabkan perkara tersebut akan diambil kira/dinyatakan di peringkat Rancangan Tempatan (RT) yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- (b) Keluasan tanah yang terlibat untuk RSNPP 2030 adalah berjumlah 104,868 hektar (259,128 ekar). Kawasan yang terlibat merangkumi keseluruhan keluasan Negeri Pulau Pinang. RSNPP 2030 tidak menyenaraikan data keluasan tanah mengikut KADUN.
- (c) RSNPP 2030 telah merumuskan dasar bagi pemeliharaan kawasan sawah padi di bawah DSP berikut:-

#### DSP 5.1.6: MENGEKAL DAN MEMELIHARA KSAS SOKONGAN HIDUP

L 5.1.6.3: Mengelakkan Kawasan Jelapang Padi Di Bawah Warta Tali Air Dan Kawasan Tanaman Padi Aktif Sebagai Sumber Sara Hidup Serta Jaminan Keselamatan Makanan (*Food Security*).

Antara agensi pelaksana yang dikenalpasti RSNPP 2030 untuk melaksanakan langkah tersebut adalah Jabatan Pertanian, Pihak Berkuasa Tempatan (MBSP dan MBPP), Jabatan Pengairan dan Saliran dan IADA.

Perincian dan tindakan susulan bagi melaksanakan langkah tersebut boleh dibuat melalui kajian Rancangan Tempatan (RT) yang sedang disediakan iaitu:

- (i) Draf RT Seberang Perai 2030 oleh MBSP; dan
- (ii) Draf RT Pulau Pinang (Pulau) 2030 oleh MBPP

Selain itu, tindakan penguatkuasaan peraturan/perundangan juga perlu dibuat oleh agensi berkenaan bagi memastikan dasar dan langkah yang dicadangkan dapat dicapai.

Kerajaan Negeri akan meneliti dan membuat kajian semula RSNPP 2030 termasuk mengelakkan tambakan tanah sawah dalam penyediaan RSN yang akan datang.